

**BAGI MEMBOLEHKANNYA BERTINDAK CEPAT UNTUK MENJAGA -  
KETENTERAMAN DAN KESELAMATAN NEGARA**

# Akta baru beri kuasa lebih pada polis

UM 5 DEC 1987

## *Renungan*

IALAH yang membiakkan kamu di atas bumi,  
dan kepadaNya kamu dihimpunkan (kembali).  
Maksud Al-Quran/AI-Mu'minin 79.

**KUALA LUMPUR 4 Dis. — Polis akan  
diberi kuasa yang lebih luas untuk  
membolehkannya bertindak cepat  
dalam menjaga ketenteraman dan  
keselamatan negara khususnya bagi  
mengawasi perhimpunan, perjumpaan  
dan perarakan haram.**

Serentak dengan itu, hukuman kerana kesalahan mengadakan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan secara haram juga dinaikkan dari denda \$500 kepada denda minimum \$2,000 dan maksimum \$10,000. Hukuman penjara yang kini tidak lebih dari enam bulan akan ditambah menjadi setahun.

Perubahan - perubahan ini terkandung dalam rang undang - undang untuk meminda Akta Polis 1967 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat petang ini.

Berucap membentangkan rang tersebut, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata mengikut undang - undang sekarang,

orang - orang yang bertanggungjawab mengadakan perhimpunan awam tidak dapat didakwa dan hanya pemegang lesen sahaja yang selalu didakwa.

Menurut beliau, pemegang lesen pula tidak semestinya merupakan orang - orang yang penting dalam organisasi yang menganjurkan perhimpunan haram itu.

"Hukuman yang boleh dikenakan ke atas orang yang disabit kesalahan adalah terlalu ringan dan ini boleh menggalakkan wujudnya satu budaya yang menggunakan demonstrasi sebagai alat untuk menonjolkan mereka,"

**LIHAT MUKA 6**

## AKTA BERI KUASA LEBIH PADA POLIS

UJIM

5 DEC 1987

ujarnya.

Menurutnya, kelemahan dalam undang-undang yang ada sekarang telah diperalatkan oleh pihak yang dilarang mengadakan perhimpunan di tempat awam untuk menganjurkan perhimpunan itu di tempat persendirian dan dengan menggunakan pembesar suara, perbincangan dan ucapan yang diadakan telah dapat didengar oleh orang-orang yang berada di luar tempat persendirian tersebut.

"Menyedari kelemahan-kelemahan itu, kerajaan yakin bahawa perkara ini perlulah diatasi dengan segera supaya keselamatan dan ketenteraman awam dapat terus dipelihara," katanya. Pindaan kepada akta polis ini juga memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis untuk mengarahkan perjalanan perhimpunan, perjumpaan dan perarakan di tempat awam yang mana sebelum ini kuasa hanya terletak di tangan pegawai-pegawai kanan sahaja.

Perdana Menteri berkata, tindakan individu, kumpulan tertentu dan parti politik memburuk-burukkan keadaan politik dan ekonomi negara bagi kepentingan politik mereka memaksa kerajaan memperketatkan undang-undang.

Tegasnya, golongan itu,

yang beliau sifatkan sebagai "belum matang berpolitik," tidak menghargai sikap liberal kerajaan dan tidak tahu mengawal diri tanpa undang-undang yang ketat.

"Kepada individu-individu yang tidak menghargai sikap liberal kerajaan, kita tidak perlu liberal.

Bersikap liberal kepada individu-individu ini samalah seperti memberi bunga kepada kera," ujarnya.

Dr. Mahathir berkata bagi golongan itu, biarlah rakyat menderita kerana tiada peluang pekerjaan asalkan mereka boleh mendakwa bahawa negara ini tidak demokratik, tidak stabil dan tidak dapat menarik pelabur asing. Perdana Menteri berkata mereka berharap dengan cara ini, dapatlah mereka memburuk-burukkan imej kerajaan bagi kepentingan politik parti mereka.

"Mereka yang sering mencerita kepada orang asing kononnya keadaan di Malaysia buruk. Mereka berbohong mengenai keadaan di negara ini untuk mendapat simpati kepada perjuangan parti mereka," kata beliau.

Dr. Mahathir berkata bagi golongan itu, sama ada perbuatan tersebut menjejaskan pembangunan negara dan rakyat, tidak menjadi masalah kepada mereka.

Katanya, golongan itu sentiasa mencari kelemahan dalam undang-undang untuk melakukan sesuatu yang tidak baik dan kerajaan tidak dapat mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka.

"Mereka tahu jika mereka dapat memaksa kerajaan bertindak keras ke atas mereka, tindakan itu boleh dijadikan isu politik. Oleh itu mereka sengaja mempermainkan undang-undang untuk memaksa kerajaan mengadakan undang-undang yang lebih keras," kata beliau. Golongan ini kemudian mengecam dan menyoal kerajaan kerana membuat undang-undang yang begitu keras serta menuduh kerajaan tidak demokratik dan tidak liberal sedangkan merekalah yang sengaja "menjolak" kerajaan, kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

"Kerajaan menghadapi dilema dalam perkara ini. Jika undang-undang tidak diperketatkan, mereka akan membuat bermacam-macam untuk mencetuskan ketegangan dalam negara," tambah beliau.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menegaskan kerajaan tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya dan akan terus melaksanakannya walau apapun tohmah dan fitnah

dilemparkan terhadapnya. Datuk Sri Dr. Mahathir membidas DAP kerana sering menuduh kerajaan tidak demokratik dan "loceng maut" bagi demokrasi telah berbunyi setiap kali kerajaan menggubal undang-undang.

Perdana Menteri berkata "sebenarnya pelabur asing tidak mengambil kira sama ada wujud atau tidak demokrasi di negara-negara yang mereka ingin melabur."

Katanya, perkara utama bagi mereka ialah kestabilan politik dan kerajaan yang kuat. Pelaburan asing yang terbesar di rantau Timur ialah di negara-negara yang kurang demokratik tetapi mempunyai kerajaan yang kuat yang dapat menjamin kestabilan politik.

"Tiada siapa yang mahu melabur di negara yang begitu demokratik sehinggakan tunjuk perasaan berlaku setiap hari dan kerajaan tumbang dua bulan sekali," kata beliau.

Tujuan pelabur, tambah beliau ialah untuk mendapat keuntungan dan bukan menegakkan demokrasi di negara-negara yang mereka melabur sebaliknya keadaan kacau-bilau akibat penyalahgunaan hak demokrasi tidak akan menarik mereka.